

10/01/2002

Antara pengganas dan media bisu

Mustapa Omar

ABU Samir, warga tua Palestin yang saya wawancara di kem pelarian Shatila di Beirut, Lubnan, kira-kira setahun lalu, bertanya apakah tulisan saya akan dibaca oleh rakyat Israel dan bolehkah ia mengubah nasibnya? Jawapan saya jika ada pun orang Israel yang membacanya, mereka adalah pegawai di Kedutaan Israel di Singapura yang tugasnya meneliti tulisan dan artikel mengenai negara itu. Mungkin jawapan itu menghampakannya, tetapi ia adalah hakikat. Pengaruh media kita, sama ada berbahasa Melayu atau Inggeris, tidak sampai ke mana, malah mungkin lebih buruk daripada nasib media Arab dan negara Islam lain.

Selain rakyat tempatan, media di negara Islam dan Arab hanya dibaca penduduk negara jiran atau mereka yang tahu bahasa digunakan. Tidak ramai orang Barat yang tahu bahasa Melayu, Indonesia, Urdu atau Arab dan jarang sekali media ini menyediakan terjemahan bahasa Inggeris untuk versi online. Mujurlah di Malaysia kita ada stesen Al-Jazeera yang diterjemah ke bahasa Melayu, walaupun corak laporannya kadangkala tidak banyak berbeza dengan CNN.

Jika dibandingkan dengan media Barat, kita masih jauh ketinggalan. Media mereka, khususnya CNN, BBC dan agensi berita, majalah serta akhbar seperti Reuters, The Times, Washington Post dan Newsweek mempunyai wakil hampir di seluruh dunia. Kita sebenarnya tiada pilihan selain menyiarkan berita yang mereka salurkan, walaupun kadangkala kita sedar laporan mereka berat sebelah dan tidak menguntungkan dunia Islam.

Lihat saja laporan mereka mengenai isu Palestin-Israel, konflik di Kashmir dan serangan Amerika Syarikat di Afghanistan. Walaupun tentera Israel membunuh ribuan rakyat Palestin, orang Palestin yang dilabel sebagai pengganas. Begitu juga apabila tentera India membunuh lebih 70,000 rakyat Kashmir, orang Kashmir juga yang digelar pengganas. Tetapi, apabila tentera Amerika mengebom Afghanistan dan membunuh lebih 4,500 orang awam, mereka tidak pula dipanggil pengganas. Malah, ada kalanya kita juga terikut-ikut rentak mereka.

Di sebalik rungutan kita mengenai sikap media Barat yang berat sebelah, kita juga perlu akui bahawa media kita, sama ada di negara Arab atau negara Islam lain, gagal menjadi sumber maklumat mengenai Islam dan keadaan sebenar yang berlaku di Palestin, Afghanistan, Kashmir, Aceh, Maluku, Kosovo dan tempat lain yang wujud konflik membabitkan umat Islam. Ramai kenalan bukan Islam di luar negara mempunyai pandangan serong terhadap Islam dan orang Arab yang dikaitkan dengan pengganas dan keganasan. Apabila saya jelaskan keadaan sebenar, mereka bertanya kenapa perkara itu tidak ditulis dan disiarkan. Kenapa mereka perlu bersusah-payah untuk mengetahui keadaan sebenar dan kenapa kebenaran itu tidak dipaparkan supaya mereka dapat membaca dan membuat penilaian?

Mereka anggap media di negara Islam dan Arab bisu serta tidak melaporkan keadaan sebenarnya. Mungkin benar dan mungkin juga tidak. Kita menghantar wartawan membuat liputan ketika berlaku konflik di Kosovo, Palestin, Maluku, Aceh dan Afghanistan. Laporan mereka tidak kurang hebatnya walaupun bukan dari zon peperangan. Kita paparkan keadaan sebenar mengikut kaca mata kita, tetapi tidak satu pun media Barat yang memetikinya. Bagaimana orang Barat dapat mengetahui persepsi kita jika mereka tidak membaca apa yang kita tulis?

Setiap hari kita terus disogokkan dengan laporan agensi asing, mengikut selera dan persepsi mereka. Kita belum ada pilihan bagi berita dunia.

Mungkin laporan mereka tidak salah, tetapi corak pemberitaannya yang kita tidak gemar. Imej Islam yang mereka paparkan sering bercanggah dan negatif. Perkara yang negatif bagi kita menjadi positif kepada mereka. Mungkin kita faham apa yang berlaku di negara kita, tetapi bagaimana dengan rakyat di negara lain?

Baru-baru ini, negara-negara Islam bersetuju melancarkan saluran televisyen satelit bagi menangkis propaganda negatif terhadap dunia Islam. Kita setuju dengan cadangan ini. Qatar sudah mengambil inisiatif untuk menjayakannya dan stesen berkenaan akan ditempatkan di Doha. Saluran itu akan menyiarkan rancangan dalam beberapa bahasa, termasuk Inggeris, Perancis, Sepanyol dan Arab. Sebenarnya, ini bukan perkara baru kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah lama bercakap mengenainya.

Hasil daripada Dialog Antarabangsa Langkawi, Malaysia dan beberapa negara Afrika menubuhkan Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi) bagi mengimbangi berita di kalangan negara membangun. Bagaimanapun, selepas beberapa bulan dilancarkan ia seolah-olah 'hidup segan mati tak mahu'. Kecuali Malaysia, negara lain tidak begitu aktif menyumbangkan berita kepada rangkaian itu.

Kita sebenarnya mampu menyaingi media Barat tetapi kita masih tidak gunakan kemampuan sebenar. Kita asyik bersaing sesama kita sedangkan media Barat sepakat dalam mencapai sesuatu matlamat. Lihatlah bagaimana mereka berusaha memburukkan Arab Saudi dan mendesak Amerika menawan negara itu bagi menjamin bekalan minyak mereka sentiasa murah.

(END)